

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 15 RABU 9 APRIL, 1969 1389 محرم 20 رابو PERCHUMA

Kerajaan mulakan usaha besar2an bagi kemudahan2 pelajaran yg moden di-kawasan luar bandar—

Titah D. Y. M. M.

UKONG, Ulu Tutong — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah bertitah bahawa Kerajaan telah memulakan usaha besar2an untuk membawa segala kemudahan2 pelajaran yang moden di-kawasan2 luar bandar dan pendalaman.

Baginda menegaskan bahawa Kerajaan tetap mengamalkan dasar memberikan kemudahan2 pelajaran kepada raayat negeri ini di-mana saja mereka berada.

Ini, titah Baginda, ada-lah menjadi kewajipan Kerajaan dan kerana tujuan itu satu peruntukan kewangan yang besar telah dikeluarkan.

Baginda bertitah demikian sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Datu Pemanha Saging, Ukong dalam Daerah Tutong pada hari Sabtu lepas.

Baginda juga telah bertitah mengenai penuntut2 S.M.M.P. yang telah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada kali pertama-nya dan mensifatkan kelulusan mereka itu sebagai bukti kerajinan mereka pada mempelajari mata pelajaran dan ilmu pengetahuan.

Duli Yang Maha Mulia berharap bahawa quality dan quantity perlulusan sijil2 tersebut akan bertambah baik dari masa ka-masa dengan sempurna-nya bangunan2 sekolah2 menengah yang sedang dalam pembinaan itu.

Titah Baginda sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut:

"Beta bershukor ka-hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana memberikan rahmat dan petunjuk-Nya kepada kita semua serta membolehkan kita pada menghadhiri bagi merasmikan pembukaan sekolah hari ini dan dengan perasaan sukacita sebab kita dapat berpandang wajah dengan laila hadirin di-majlis ini.

Terbangun-nya satu sekolah adalah membawa makna kepada kita dan Kerajaan kita sangat2 mengutamakan pada menggalakkan laila mata pelajaran juga ilmu pengetahuan dan pengalaman dengan niat laila hasrat di-dalam hati tekun dan amanah laila jujur ada-lah hiasan atau ada-lah benar2 menjadi hiasan hati yang sehat mudah abadi dan akan menjadi ristaan baik di-dunia dan mendapat rahmat di-akhirat.

Beta berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga sekolah yang di-beri nama dengan nama sa-orang Menteri Darat ini akan dapat benar2 melambangkan, menjelmakan semangat ket'atan laila setia serta menanamkan laila daya usaha ka-arrah kebajikan untuk melambangkan nama baik Negeri Brunei Darussalam.

Pada hari yang bersejarah ini kita sangat2 gembira kerana dengan Izin Allah majlis ini memberikan kita peluang untuk berkunjung ka-Kampung Ukong yang kecil, tetapi mempunyai penduduk yang benar2 bersemangat dalam menyambut serta menyahut langkah yang kebajikan.

Kerajaan Beta dalam usaha pembangunan mata pelajaran untuk mengasah mendidik budak2 atau penuntut2 bagi mengatasi buta huruf dan buta akal fikiran supaya jangan lekas atau senang di-pengaruhi da'ayah2 palsu.

Kita telah banyak kali mendengar khabar serta berita terhadap



D.Y.M.M. ketika bertitah sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Datu Pemanha Saging. Dudok di-kanan sekali ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman dan di-kiri sekali ia-lah Awang Ringgit bin Luang, Ahli Majlis Mashuarat Daerah Tutong.

kampung ini namun sekarang kita mempunyai kesempatan pula untuk menyaksikan keadaan kampung ini dengan lebih dekat lagi serta dapat beramah tamah.

Kita telah mendapat tahu bahawa sekolah yang baharu yang akan kita laksanakan pembukaan rasminya ini ada-lah bangunan sekolah yang ke-tiga di-kampung ini demi bersemangat rajin bersekolah yang di-tanam dan di-semai oleh ibu bapa anak2 kampung ini sendiri pada 30 tahun yang lalu dengan perbelanjaan dan tenaga mereka atau penduduk kampung ini sendiri.

Hakikat ini membuktikan semangat serta ketabahan penduduk kampung ini benar2 menumpukan hakikat dari laila hasrat pada mempelajari ilmu pengetahuan yang mana laila mata pelajaran dan ilmu pengetahuan bukan hanya berguna pada negeri tetapi juga lebih2 lagi pada mengelakkan sebutan baik pada anak2 mereka yang akan menjadi penuntut atau

(LIHAT MUKA 8)

D. O. ingatkan: Jangan buat tudohan2 palsu

TEMBURONG — Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak telah mengingatkan ahli2 yang di-pilih di-Daerah Temburong supaya jangan membuat tuduhan2 palsu terhadap kerajaan dan menghasut raayat antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Sa-balek-nya, kata Awang Johari, ada-lah menjadi tugas dan tanggung-jawab ahli2 yang di-pilih supaya memberi penerangan dan penjelasan kepada raayat mengenai perkembangan2 yang sedang dan akan di-buat oleh kerajaan.

Pegawai Daerah itu berkata demikian ketika mengpergunakan sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang telah berlangsung di-bilik mashuarat Pejabat Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas.

Berucap mengenai pertanian, Awang Johari berkata, kerajaan sentiasa memberi galakkan kepada peladang2 di-daerah itu untuk mengusahakan apa juga jenis tanaman sementara yang hendak di-usahakan.

Beliau berkata, penduduk2 di-daerah itu boleh-lah memohon kebenaran untuk menggunakan tanah2 kerajaan sa-chara sementara untuk tujuan2 itu.

Awang Johari juga menerangkan, kerajaan tidak akan mengganti rugi apabila pokok2 atau rumah di-atas tapak tanah itu di-musnahkan untuk tujuan tertentu seperti pembinaan jalan raya, sekolah dan lain2.

(Lihat Muka 8)

Pameran lukisan kanak2 Jepun

BANDAR BRUNEI — Satu pameran lukisan kanak2 Jepun akan diadakan di-bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei sa-lama dua minggu mulai 14 April ini.

Pameran yang di-anjarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu akan di-buka dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada tiap2 hari.

Orang ramai, penuntut2 dan murid2 sekolah ada-lah di-persilakan untuk menyaksikan pameran tersebut.

SOALAN:

Sa-bagai yang kami ketahui Awang ada-lah sa-bagai sa-orang wakil Kerajaan di-persidangan Majlis Kemajuan Perusahaan Asia di-Bangkok (AIDC) dalam bulan lepas. Apa-kah Brunei di-undang untuk hadir di-persidangan tersebut atau Brunei memang ahli dalam Pertubuhan Komisi Ekonomi untuk Asia dan Timor Jauh (ECAFE)?

JAWAPAN:

Sa-benar-nya Brunei memang di-jemput oleh ECAFE atau Economic Commissions for Asia and Far East di-Bangkok untuk menghadiri persidangan AIDC yang ke-4 atau Majlis Kemajuan Perusahaan Asia.

Brunei di-undang ka-persidangan tersebut kerana Brunei ada-lah menjadi ahli bersekutu atau associated member pertubuhan ECAFE itu, Pertubuhan Komisi Ekonomi untuk Asia dan Timor Jauh.

SOALAN:

Apa-kah motion atau tujuan mengadakan persidangan tersebut?

JAWAPAN:

Tujuan mengadakan persidangan tersebut ia-lah untuk mengadakan perundingan2 didalam bidang perindustrian dengan negeri2 yang menjadi ahli untuk mencapai "regional cooperation" atau cooperasi perdaerahan. Di-dalam persidangan ini-lah ahli2 dari negeri2 yang sedang membangun menghadapkan kesulitan2 masing2 mengenai perindustrian mereka. Di-sabalek itu pula di-sini-lah negeri2 yang bernasib baik dan telah maju didalam satu2 perindustrian itu menerangkan progress yang telah di-chapai oleh mereka itu.

Dan jika negeri2 yang maju di-dalam satu lapangan itu ada mempunyai kemampuan, di-persidangan ini-lah juga mereka menawarkan "technical aid" atau pertolongan teknikal yang berupa memberi latihan2 teknikal kepada kaki-tangan2 negara2 yang berkehendakan-nya.

Negeri2 seperti Jepun dan Iran telah pun menawarkan kepada negeri2 yang memerlukan pertolongan-nya untuk memberi beberapa biasiswa untuk mempelajari teknik2 mengenai petroleum teknikal industry. Dan dari persidangan AIDC-lah terbit-nya "possibility study on industrialisation and fact finding teams" mengenai satu2 industri itu dan dari majlis ini pula terbit-nya beberapa "advisory groups" atau badan2 penasihat mengenai perindustrian di-negeri masing2.

OLEH2 BRUNEI

DI-PERSIDANGAN

AIDC DI-BANGKOK

SOALAN:

Apa-kah agenda2 yang di-bincangkan dalam Persidangan Majlis Kemajuan Perusahaan Asia itu?

JAWAPAN:

Di-persidangan Majlis Kemajuan Perusahaan Asia itu sa-banyak 18 buah agenda telah pun di-bincangkan seperti Pemilihan Pengurus, dan 2 orang naib Pengurus bagi tahun 1969 dan 1970. *Review of follow-up action to implement the recommendation of AIDC's Iron and Steel Survey mission to South East Asia; Reports of the Indian Iron and Steel teams mission to Singapore; Consideration of the report of the AIDC fact finding team on Petrol Chemical Industries; Consideration of the report of the AIDC fact finding team on Forest Base Industry; Report on the action taken in regard to the development of Coconut Industry; Reports on the present status of the long term perspective study for industrial development and regional co-operation* dan beberapa agenda yang lain2 dan di-sini tak perlu-lah saya sebutkan semuanya.

SOALAN:

Apa-kah pendapat Awang peranan perindustrian dalam sa-sebuah negara yang sedang membangun?

JAWAPAN:

Perindustrian bukan sahaja penting bagi negara yang sedang membangun, tetapi ia-nya juga mempunyai peranan penting bagi negara2 yang sudah maju. Perindustrian mempunyai peranan yang penting bagi negara2 yang sedang membangun kerana perusahaan perindustrian menjadi satu2 faktor yang membolehkan satu2 negara itu menjalankan proses pembangunan-nya sendiri.

Perindustrian sama ada hasil-nya untuk di-pasarkan dalam negeri ini atau pun untuk di-pasarkan keluar negeri sudah tentu akan menjamin penduduk2 negeri itu bagi memberikan pekerjaan2 kepada me-

reka. Sa-suatu perindustrian itu akan berkehendakan hasil2 perusahaan perindustrian yang lain dan ini dengan sendiri-nya bukan sahaja menambahkan pekerjaan2, hasil2 tetapi juga ia-nya akan mendorong supaya perindustrian dan hasil-nya itu di-kehendaki akan menjadi lebeh maju dan terbena dan kalau-lah hasil perindustrian negara2 yang sedang membangun itu dapat di-export ka-negeri lain, saya perchaya bahawa perindustrian itu akan dapat memberi keuntungan kepada negara2 itu dengan membaiki dalam supplement mereka sendiri kerana dari supplement-lah menjadi satu2 maasalah yang selalu di-alami oleh negara2 yang sedang membangun. Dan dengan ini juga akan bertambah-lah kekukohan ekonomi negeri itu dan tak payah-lah dia mengharapkan negeri2 lain untuk mengadakan keperluan-nya sendiri, ini akhir-nya akan meningkatkan taraf hidup penduduk2 di-negeri itu.

SOALAN:

Apa-kah langkah untuk menganeka chorakan ekonomi Brunei supaya tidak bergantung kepada satu perusahaan seperti Minyak?

JAWAPAN:

Berchakap sa-bagai individual dan bukan-lah sa-bagai sa-orang pegawai dan mengikut apa yang telah kita dengar melalui radio dan menurut apa yang telah kita baca, bahawa Kerajaan Brunei telah pun mengambil langkah2 untuk menambahkan aktibiti2 ekonomi negeri ini supaya ia-nya tidak akan bergantung kepada satu perusahaan seperti minyak sahaja.

"Joint Venture Projects" di-antara anak2 negeri ini dan pemodal2 asing ada-lah digalakkan asalkan orang2 asing itu akan membawa "technical know-how" atau pengalaman teknikal dan sa-terus-nya melateh anak2 negeri ini. Untuk membolehkan pembenaan perusahaan2 yang lain di-negeri ini beberapa langkah telah pun diambil oleh Kerajaan seperti pembenaan International Air-

BRUNEI telah menyertai sidang Majlis Kemajuan Perusahaan Asia yang ke-empat di-Bangkok baru2 ini. Wakil Kerajaan Brunei ia-lah Awang Kassim bin Daud dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Dr. Joseph Gould.

Untuk meninjau oleh2 dari persidangan itu, maka di-bawah ini di-perturunkan hasil dari wawanchara wakil kita dengan Awang Kassim bin Daud.

port dan Pelabohan di-Muara. Dan dengan ini nanti Brunei akan menjadi satu negeri yang lebeh terkenal dan lekas di-datangi oleh pelanchong2 kerana "tourist industry" atau pelanchongan-lah juga mendatangkan foreign exchanges ka-dalam negeri ini.

Di-antara lain2, beberapa buah sekolah pertukangan ia-itu Vocational School dan Trade School dan juga Sekolah Pertanian ada-lah sedang di-dalam pembenaan supaya akan dapat di-gunakan bagi melateh anak2 negeri ini di-dalam beberapa lapangan. Dengan ini nanti ada-lah di-harapkan supaya Brunei akan dapat bersedia mengadakan "skilled employees" atau kaki-tangan yang bijak dan terlatih untuk mengusahakan pekerjaan yang di-kehendaki oleh perindustrian itu. "Main training" atau latihan kepada pekerja2 ada-lah sangat mustahak jika sa-kira-nya ekonomi kita ini mesti di-aneka chorakan. Ini ada-lah langkah pertama bagi mengatasi masaalah perindustrian di-sa-buah negara itu.

Kerajaan sentiasa mempunyai ranchangan untuk memperbaiki taraf hidup raayat di-negeri ini. Banyak peladang2 di-beri bantuan dengan sa-chara subsidiary, dan sekolah pertanian telah pun di-sediakan untuk memberi latihan kepada beberapa orang penuntut2 pertanian supaya pengetahuan2 yang di-perolehi mereka itu akan dapat di-gunakan untuk menambahkan produktif mereka atau penghasilan pertanian itu.

Antara lain Brunei juga ingin mengadakan "Petrol Chemical Industry" atau perusahaan kimia patrol dengan mengadakan gas yang ada di-negeri ini. Dengan ini Brunei akan dapat menganeka chorakan ekonomi negeri ini.

SOALAN:

Akhir-nya apa-kah pendapat Awang tentang saranan yang baik dan berguna dalam per-bincangan itu untuk Brunei dalam proses pembangunan se-karang?

(Lihat Muka 3)

KHUTBAH JUMA'AT

ISLAM MEMANDANG MUSTAHAK ANGKATAN BERSENJATA —

Tetapi bukan untuk melakukan pencherubohan atau anyaya ka-atas sesiapa

BARU2 ini Askar Melayu Di-Raja Brunei bersama dengan pasukan Pulis Di-Raja Brunei telah menjalankan latehan yang mereka namakan 'Kipas Dua'. Kedua2 pasukan itu bertugas untuk mengawal keamanan dan keselamatan serta untuk mempertahankan negeri ini daripada musuh2-nya, sama ada dari dalam mahu pun dari luar negeri.

Pasokan askar dan pulis sangat penting bagi sa-sebuah negara. Brunei tidak - lah terkecuali, bahkan ugama Islam, ia itu ugama rasmi negara kita ini memandang sangat mustahak akan adanya pasokan bersenjata bagi sa-sebuah negara Islam.

Islam memandang mustahak-nya pasokan bersenjata bukan-lah bagi maksud untuk melakukan pencherubohan atau melakukan anyaya ka-atas sesiapa, tetapi Islam menyeru supaya senjata di-gunakan, apabila keadaan mengundorkan diri dari peperangan boleh membahayakan perdamaian.

Tegas-nya menjauhkan diri dari berperang, bahkan menyerahkan diri bulat2 kepada musuh, besar kemungkinan akan lenyap-nya kebebasan beragama dan hapus-nya usaha bagi menchari kebenaran dan keadilan.

Oleh itu wahai kaum muslimin,

perkenankanlah saya mengingatkan kepada kita semua, bahawa kita sangat-lah membanggakan, kerana ia akan menjadi barisan depan kita untuk melindungi kita daripada serangan2 musuh kita, melindungi kita daripada pengkhianat2 yang chuba menghilangkan kebebasan beragama, yang chuba menutup jalan dan usaha bagi menimbulkan kebenaran dan keadilan.

Menurut sejarah, bahawa Rasulullah s.a.w. sa-telah berhijrah ka-Medinah dan musuh2 Islam behusaha terus menerus dengan sa-kuat2-nya untuk menenyapkan pemelok2 Ugama Islam dan berusaha supaya ugama Islam itu hapus dari bumi ini. Maka Rasulullah pun mendapat izin daripada Tohan untuk mengangkat senjata demi untuk mempertahankan kebenaran dan kebebasan beragama.

Sikap Rasulullah s.a.w. bersama2 dengan angkatan tentera-nya melawan musuh adalah menurut ajaran Al-Koran

yang tersebut dalam surat Al-Haj dari ayat 39 hingga 41 yang bermaksud:

"Allah mengizinkan berperang kepada mereka yang di-perangi di-sebabkan mereka teranyaya dan sa-sungguh-nya Allah berkuasa menolong mereka ia-itu orang2 yang di-usir dari negeri mereka dengan tiada alasan kebenaran, melainkan kerana mereka mengatakan, Tohan kami ia-lah Allah, dan jika tiada Allah menolak beberapa banyak orang dengan perantaraan orang lain, nescaya ruboh-lah gereja orang nasrani dan tempat2 pemujaan orang Yahudi, serta masjid2 orang Islam di-dalam-nya sering di-buat nama Allah.

Sa-sungguh-nya Allah menolong orang yang menolong ugama-nya, sa - sungguh - nya Allah amat kuat dan perkasa, mereka itu juga kami tempatkan di-bumi, mereka menegakkan sembahyang, membayar zakat, mereka menganjurkan kebaikan dan melarang kejahatan dan kepada Allah terserah akibat semua pekerjaan".

Kita memerlukan pasokan bersenjata yang terlatelye, pasokan bersenjata yang kuat dan pasokan bersenjata yang bersemangat dan berpegang tegoh kepada ugama.

Oleh itu latehan2 yang di-



jalankan oleh pasukan Askar Melayu Di-Raja bersama2 pasukan Pulis Di-Raja baru2 ini ada-lah bagi menambahkan kecekapan mereka. Semoga mereka akan menjadi pahlawan2 yang berkhidmat dengan jujur-nya kepada bangsa, negara dan Ugama mereka.

Dari itu, pekerjaan menjadi parajurit tanah ayer ada-lah pekerjaan yang mulia, kerana parajurit dapat mempertahankan kebebasan beragama dan mempertahankan kebenaran dan keadilan. Maka sesiapa yang mempunyai kechenderongan dalam lapangan itu jangan-lah ragu2 memasuki perkhidmatan tersebut.

Berkhidmat-lah dengan askar atau pulis kita dan sematkan-lah di-hati bahawa perkhidmatan itu ia-lah untuk menunaikan seruan dan ajaran ugama kita yang suci.

Dengan ada-nya niat yang suci itu, di-ikuti pula dengan pekerjaan yang jujur dan tidak menyalahi ajaran ugama kita, maka perkhidmatan itu akan mendapat ganjaran daripada Allah.

Oleh2 di-persidangan AIDC

(Dari Muka 2)

JAWAPAN:

Pada pendapat saya, saranan yang baik dan berguna dalam perbincangan itu untuk Brunei dalam proses pembangunan sekarang ia-lah terbit-nya dari kenyataan yang di-berikan oleh wakil Brunei ka-persidangan itu mengenai langkah2 yang sudah di-ambil dan juga akan di-ambil oleh Brunei untuk menganeka chorakan ekonomi negeri ini.

Langkah untuk mengadakan perusahaan Petrol Chemical dengan chara pemodal bersama ada-lah sangat2 menarik perhatian persidangan itu. Brunei telah berjaya menerangkan tentang keinginan-nya mempelawa negeri2 ECAFE agar mengambil bahagian di-dalam "joint venture projects" seperti, Petrol Chemical Industry dan mengadakan technical know-how bagi faedah bersama.

Wakil Brunei juga telah menerangkan bahawa Brunei adalah mempunyai kedudukan yang chukop sesuai di-Tenggara Asia bagi penanaman modal. Ia-nya mempunyai Stable Government atau Kerajaan yang kukuh dengan mempunyai Stable Currency dan tidak pula mempunyai perusahaan dalam balance supplement.

Perlu saya terangkan bahawa kedudukan yang sedemikian-lah yang selalu-nya di-chari oleh foreign investors bagi penanaman modal di-negeri ini. Dan inisiatif yang seperti ini-lah yang akan menguntungkan Brunei di-lapangan perindustrian. Peranan yang baik dalam perbincangan itu ia-lah pengumuman dari beberapa wakil2 persidangan itu dalam menawarkan bantuan2 untuk meminjamkan pakar2 atau expert ka-negeri2 yang berkehendakan-nya.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9 April, 1969 hingga ka-hari Selasa 15 April, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
9 April		12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
10 April		12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
11 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	5-59	6-14
12 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	5-59	6-14
13 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	5-59	6-14
14 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	5-59	6-14
15 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	5-59	6-14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

9 April, 1969.

PELAJARAN PEMBEKALAN

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam titah di-pembukaan rasmi Sekolah Melayu Datu Pemanha Saging, Ukong dalam Daerah Tutong telah menegaskan tentang perhatian berat Kerajaan bagi membekalkan pelajaran di-luar bandar dan pendalaman.

Baginda bertitah bahawa usaha besar2an telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membawa segala kemudahan2 pelajaran yang moden di-kawasan2 luar bandar dan pendalaman.

Kerajaan tetap mengamalkan dasar memberikan kemudahan2 seperti itu untuk semua golongan rakyat di-mana saja mereka berada dan Kerajaan memang menumpukan perhatian untuk melatoh rakyat dalam beraneka jurusan bukan hanya pada mereka yang berada di-bandar2 sahaja bahkan di-kawasan luar bandar.

Dalam suasana negara yang pesat dengan pembangunan-nya dalam perbagai2 segi, maka pelajaran ada-lah satu faktor yang penting dan ia-nya perlu ada pada seluruh rakyat. Buta pelajaran bermakna kehidupan masyarakat akan pinchang dan kepinchangan itu boleh menimbulkan berbagai2 masalah sahingga kepada yang lebih berat dan rumit.

Negara kita memerlukan rakyat-nya yang berpelajaran dan perpengetahuan yang cukup bagi mengendalikan perkembangan2 masa depan-nya yang sudah nyata akan bertambah pesat dan mungkin bertambah rumit jika dari sekarang kita tidak membuka mata dan fikiran untuk meninjau kemungkin2 masa depan kita itu.

Kekurangan yang kita dapati di-masa2 yang lalu, sudah mula di-isikan sejak beberapa tahun yang lalu seperti kurangnya pembekalan keperluan2 pelajaran di-kalangan rakyat luar bandar dan pendalaman dan pembukaan bidang2 pelajaran yang lebih tinggi dan pembukaan kelas2 beraneka bidang yang sesuai untuk menghadapi perkembangan masa depan kita.

Jabatan Pelajaran ada-lah merupakan sa-buah jabatan yang dewasa ini menempoh berbagai2 kesulitan2-nya dan sentiasa berikhtir untuk mengatasi kesulitan2 itu. Sukar untuk mengatakan bahawa jabatan tersebut tidak melaksanakan dengan sa-baik2-nya akan tugas yang di-pikulkan ka-atas bahu-nya itu. Seperti kata bahawa tidak sa-orang pun ingin pada kechachatan, maka begitu-lah juga chita2 yang bukan hanya ada pada Jabatan Pelajaran sahaja, bahkan meliputi kepada jabatan2 yang lain.

Sejak kita mengenai pelajaran, maka kita telah merasakan akan mustahak-nya dan segera tergambar di-hadapan kita betapa peranan pelajaran itu terutama dalam jurusan pengajian yang tinggi. Kerana itu-lah Kerajaan mengadakan peruntukan yang besar sa-tiap tahun yang semesta2 tujuannya mengembangkannya luaskan pelajaran di-kalangan rakyat negeri ini.



Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang menarek tali tirai yang penutup papan nama perasmian pembukaan Sekolah Melayu Datu Pemanha Saging dengan di-perhatikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong dengan di-iringi oleh Y.B. Penolong Menteri Pelajaran, O.K. Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking dan Pengarah Pelajaran, Dato MacInnes ketika berangkat meninggalkan bangunan Sekolah Melayu Datu Pemanha Saging.



D.Y.M.M. RASMIKAN SEKOLAH MELAYU DATU PEMANHA SAGING

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah berangkat ka-Ulu Tutong pada hari Sabtu lepas kerana merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Datu Pemanha Saging di-Kampung Ukong.

Baginda telah berangkat ka-Ukong dengan menaiki sa-buah pesawat helikopter dari Bandar Brunei dan di-iringi antara lain oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar.

Sa-tiba-nya di-padang sekolah itu, Duli Yang Maha Mulia dan rombongan di-raja itu telah disambut oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh, Yang Berhormat Penolong Menteri Pelajaran Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking serta penduduk2 kampung tersebut.

Selesai sahaja upacara pembukaan itu, Duli Yang Maha Mulia telah di-junjung melawat bilek2 darjah dan menyaksikan persembahan tarian2 asli dan panchak silat oleh penduduk2 kampung itu.

Di-upacara itu, Duli Yang Maha Mulia telah juga menerima persembahan chendera mata yang berupa 'Tandok Rusa' dari penduduk2 kampung itu.

Sa-bagai kenangan2 pembukaan sekolah itu, Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman telah menanam pokok mangga di-kawasan sekolah itu.

Sekolah baru Datu Pemanha Saging itu telah di-bena oleh kerajaan dengan perbelanjaan sa-banyak kira2 \$300,000 dan telah digunakan sejak tahun 1965.

Ia-nya mempunyai lima buah bilek darjah, sa-buah pejabat guru besar, sa-buah bilek rehat untuk guru, sa-buah bilek makan dan dapur.

Murid-nya berjumlah 136 orang, sa-hingga darjah enam berbanding dengan 42 orang dalam tahun 1936, apabila sa-buah sekolah Melayu di-dirikan di-kampung tersebut oleh penduduk2 kampung.

Sekolah baru itu telah di-bena di-suatu kawasan yang luas, di-mana telah di-dirikan beberapa buah rumah kediaman untuk guru.

Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang di-zirahi oleh kaum ibu di-Kampung Ukong sempena pembukaan rasmi Sekolah Melayu Datu Pemanha Saging.

Ketibaan rombongan D.Y.M.M. telah di-alu-alukan oleh penduduk2 Kampung Ukong sambil bersalaman dengan Baginda. Dalam gambar ini kelihatan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman.



D.Y.M.M. kelihatan sedang menanam pokok mangga sa-bagai kenangan2an pembukaan rasmi sekolah tersebut dengan di-perhatikan oleh pegawai2 kanan Jabatan Pelajaran dan Pegawai Daerah Tutong (kanan sekali).



Gerai2 untuk di-sewakan

BANDAR BRUNEI — Sa-buah pasar untuk menjual sayuran2, ikan dan daging di-kawasan perpindahan Berakas, dekat Bandar Brunei telah pun siap.

Pegawai Daerah Brunei-Muara mempelawa pemohon2 untuk memileki gerai2 di-pasar itu.

Keutamaan akan di-berikan kepada penduduk2 tiga buah kampung di-kawasan perpindahan itu, terutama-nya persatuan2 kerjasama yang berdaftar di-Kampung Jaya Se-

tia; Kampung Jaya Bakti dan Kampung Burong Pingai.

Mereka dari Kampung Ayer yang berpindah di-kawasan itu dan lain-nya, bersama keluarga yang diam di-kawasan itu, juga boleh memohon.

Jika tidak ada permohonan dari mereka yang lima bahagian itu diterima, maka gerai2 di-pasar tersebut akan di-sewakan kepada rakyat Brunei dari lain2 kampung.

Sewa sa-buah gerai \$60.00 setahun dan kelulusan menyewa-nya ada-lah tertaklok kepada mempunyai sijil2 kesihatan dan beberapa perkara2 seperti tidak boleh menyewakan-nya kepada orang lain.

EMPAT ORANG FILIPINA DI-SELAMATKAN

BANDAR BRUNEI — Sa-buah kapal barang yang di-daftarkan di-Panama 'Brunei Number One' telah menyelamatkan empat orang Filipina yang di-jumpai terapong2 dalam sa-buah sampan kecil di-Selatan Laut China.

Ka-empat2 orang itu telah di-bawa ka-Brunei pada minggu lepas dan persiapan sedang di-buat untuk menghantar mereka balek ka-Filipina.

Ketua dalam kumpulan itu, Tulawi Lauhari berkata dia bersama sembilan orang anak buah-nya telah berlepas dari Pulau Tandubas di-gugusan kepulauan Sulu pada 26 Februari dengan sa-buah kumpit, dalam pelayaran menuju ka-Terusan Palawan, kira2 300 batu jauh-nya untuk mengutip siput laut.

Kata-nya, enjin kapal kumpit itu telah rosak pada 20 Mach dan semua perhubungan untuk menghidupkan semula telah gagal.

Pada hari kemudian-nya, Tulawi Lauhari menyatakan ka-sembilan2 orang anak buah kumpit itu membuat keputusan untuk meninggalkan kapal itu, 'M.L. Patra' dengan dua buah sampan kecil.



Gambaran menunjukkan empat orang yang telah di-selamatkan itu. Nombor 2 dari kanan, ketua kumpulan, Tulawi Lauhari.

Tulawi berkata dia bersama tiga orang lain-nya, Sarama Bakil, Doroh Duri dan Musapa Tahamin menaiki sa-buah sampan sementara lima lain-nya dengan sa-buah sampan lain, sementara sa-orang lagi tinggal di-dalam kumpit itu.

Tulawi berkata mereka telah terapong2 sa-lama tujuh hari, sebelum mereka di-selamatkan pada 28 Mach.

Kapal Brunei Number One, telah membuat tiga penyiaran maklumat meminta kapal2 yang berhampiran supaya meletakkan perhatian ka-atas enam orang anak buah yang lain-nya.

Konsol Agong Filipina di-Singapura telah di-beritahu mengenai gerakan menyelamatkan itu.

Masa ini ka-empat2 orang Filipina itu di-tempatkan oleh Kerajaan di-Brunei Hotel dengan perbelanjaan Jabatan Setia Usaha Kerajaan sementara keperluan2 makan di-biayai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Penyemboran ubat DDT

BANDAR BRUNEI — Projek Penghapusan Malaria menjalankan penyemboran ubat DDT di-enam buah kampung di-Daerah Brunei-Muara dan tiga buah kampung di-Daerah Tutong dalam bulan ini.

Rombongan itu akan menyemprot enam buah kampung di-Daerah Brunei-Muara mulai dari 7 hingga 24 April.

Dari 26 hingga 30 April, rombongan itu akan melakukan penyemboran di-tiga buah kampung di-Daerah Tutong.

Pihak berkuasa Projek Penghapusan Malaria menganggarkan bahawa sa-banyak 988 litre ubat DDT akan di-gunakan untuk menyemprot 353 buah rumah di-sembilan buah kampung.

Di-bawah rancangan penyemboran rumah2 yang belum lagi di-semprotkan itu semua pondok dan bangunan2 baru akan di-semprotkan dengan ubat DDT.

Kawat2 talipon bertambah

BANDAR BRUNEI — Kerja2 membesarkan otomatis talipon exchange di-Bandar Brunei untuk memberikan penukaran kepada 3,300 kawat telah pun siap.

Terdahulu sa-belum itu, exchange tersebut hanya boleh mengendalikan 1,000 kawat.

Sa-orang juruchap Jabatan Talikom berkata, kerja2 menyediakan kawat2 sementara di-atas sedang berjalan lancar, dan kawat2 baru sedang di-hubungkan ka-pusat untuk menyediakan banyak lagi talipon kepada orang ramai.

Tahun lalu jumlah talipon yang di-pasang di-seluruh negeri, telah meningkat kepada 533 buah, ia-itu 460 buah di-Bandar Brunei; 21 di-Kuala Belait; 38 di-kawasan Seria; 11 di-Tutong dan 3 di-Temburong.

Tahun ini, jabatan tersebut setakat ini, telah memasang 136 buah talipon baru.

Walau pun pusat penukaran sekarang mempunyai lebih 2,000 kawat, tetapi talipon baru masih belum dapat di-pasang sa-rentak, ini ada-lah di-sebabkan masih banyaknya lagi kerja2 biasa yang perlu dilakukan oleh kaki-tangan jabatan itu.

Juruchap itu berkata, jumlah orang yang menunggu di-dalam senarai tidak berubah, sementara permohonan2 baru masih di-terima sa-tiap hari.

Talipon2 baru akan di-pasang hanya di-tempat2 yang paling ekonomi dan pemasangan-nya ada-lah berdasarkan kepada yang dahulu di-dahulukan.

Juruchap itu berkata, kerja2 memasang peralatan baru bagi tambahan 10 peredaran 'circuit' antara Bandar Brunei dan Kuala Belait sedang berjalan dengan memuaskan.

Kerbau dan kambing untuk peladang2

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pertanian akan membahagi2kan kerbau2 dan kambing2 kepada peladang2 di-negeri ini dibawah ranchangan memperbaiki ternakan kerbau dan kambing kira2 pada pertengahan tahun ini.

Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam ketika menyatakan perkara ini berkata, sa-jumlah 100 ekor kerbau jantan akan di-bahagi2kan kepada peladang2 dalam ranchangan itu untuk meninggikan taraf ternakan mereka yang ada sekarang dan memperbaiki pengusahaan ternakan di-negeri ini.

Dari 100 ekor kerbau itu, 50 ekor akan di-berikan kepada peladang2 di-Daerah Brunei-Muara, 30 ekor kepada peladang2 di-Daerah Tutong, 10 ekor kepada peladang2 Daerah Belait dan 10 kepada Daerah Temburong.

Pada masa ini terdapat kira2 15,000 ekor kerbau di-negeri ini.

Sa-banyak 100 ekor kambing — 50 ekor jantan dan 50 ekor betina juga akan di-bahagi2kan kepada peladang2 di-negeri ini untuk menambahkan dan memperbaiki bilangan kambing yang ada sekarang.

Pada masa ini hanya terdapat 600 ekor kambing di-seluruh negeri.

Dari jumlah itu, 15 pasangan akan di-berikan kepada peladang2 di-Daerah Brunei-Muara, 10 pasangan di-Daerah Tutong, 20 pasangan di-Daerah Belait dan lima pasangan di-Daerah Temburong.

Di-bawah ranchangan ini, peladang2 yang menerima binatang ternakan itu akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian bahawa mereka akan memberi anak pertama sama ada jantan atau betina kepada Jabatan Pertanian untuk di-bahagikan kepada lain2 peladang.

Barisan tamat latehan

BERAKAS — Pegawai Pemerintah Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Lt. Col. J.J. Simpson telah menasihatkan rekrut2 pasukan itu supaya menchurahkan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan kerajaan.

Beliau berkata demikian ketika berucap di-upacara perbarisan tamat latehan 87 orang rekrut dan sa-orang pegawai kadet di-Khemah Berakas pada hari Jumaat lepas.

Colonel Simpson berkata, sekarang rekrut2 itu telah di-akui sabagai askar terlatih dan ini tidaklah bererti mereka hanya mempelajari ilmu ketenteraan sa-takat itu sahaja.

Kata-nya, dalam perkhidmatan tentera sa-orang askar tidak berhenti2 mempelajari jurusan itu dan beliau menasihatkan mereka supaya terus giat belajar bagi faedah diri mereka sendiri dan pasukan itu.

Terdahulu dari itu Col. Simpson telah melahirkan perasaan tertarik hati dengan kecekapan rekrut2 itu dalam perbarisan.

Col. Simpson kemudian-nya telah menyampaikan hadiah2 kepada rekrut2 terbaik dan penembak yang terbaik.

Rekrut2 yang terbaik ia-lah Pte. Ahmad bin Sambas, Pte. Maksin bin Tahir dan Pte. Safar bin Badau sementara penembak yang terbaik ia-lah Pte. Ibrahim bin Maidin, Pte. Awang bin Kula Apang dan Pte. Manan bin Buang.

Pegawai Kadet yang mengambil bahagian dalam perbarisan itu ia-lah Shari bin Ahmad. Beliau di-jadualkan akan berlepas ka-England untuk menjalani latehan tidak berapa lama lagi.

TINJAU KEGIATAN2 A. M. D. B.



BERAKAS — Satu rombongan yang mengandungi 37 orang pegawai daerah dan penghulu2 telah melakukan lawatan ka-Khemah pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei pada hari Jumaat lepas, untuk meninjau kegiatan2 yang dilakukan oleh pasukan itu.

Mereka telah di-sambut oleh Pegawai Pemerintah, Lt. Col. J.J. Simpson yang menerangkan serba ringkas mengenai pentadbiran dan kegiatan2 regimat itu.

Rombongan itu kemudian-nya di-bawa melawat ka-berbagai2 tempat di-Khemah itu.

Mereka mengakhiri lawatan mereka dengan membuat kunjungan ka-pasukan laut regiment itu di-Muara.

Gambar atas menunjukkan sabahagian dari pelawat2 itu sedang mendengar penerangan mengenai senjata2 ringan dari pasukan pembantu.

Tarikh penutup di-lanjut

BANDAR BRUNEI — Permohonan2 bagi memasuki latehan perguruan di-Maktab Perguruan Brunei di-lanjutkan hingga 16 April ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran menyatakan bahawa permohonan2 lain telah pun di-terima.

Permohonan2 untuk menyertai kursus latehan ini hendaklah lulus sijil Persekolahan Seberang Laut, M.C.E. atau G.C.E.

Lawatan belia USNO ka-Brunei

BANDA BRUNEI — Sa-rombongan belia2 Usno Labuan telah melawat Brunei baru2 ini.

Semasa berada di-Brunei, mereka telah mengadakan beberapa perlawanan sa-chara persahabatan dengan belia2 Sumbiling dan Berakas.

Dalam perlawanan bola sepak, pasukan Berakas telah berjaya mengalahkan pasukan Labuan itu dengan sembilan gol berbalas satu yang telah dilangsungkan di-padang besar

Jadual lawatan pemereksaan sukatan dan timbangan

BANDAR BRUNEI — Pegawai dan kaki-tangan dari Jabatan Sukatan dan Timbangan akan mengadakan lawatan ka-tempat2 yang berikut untuk memereksa perkakas2 sukatan dan timbangan.

Dari 9 hingga 12 April rombongan itu akan berada di-Bandar Brunei.

Pada 14 April di-Labu Estate.

Rombongan tersebut akan berada di-Bangar, Temburong; Temburong Lama, Bangar Estate, Pendaruan dan Batu Apoi pada 15 hingga 19 April.

Rombongan itu akan berada sekali lagi di-Bandar Brunei pada 21 hingga 30 April.

Mulai awal bulan Mei rombongan tersebut akan mengadakan lawatan ka-Daerah Belait.

Pada 1 hingga 5 Mei di-Bukit Puan dan kawasan Labi. Pada 6 Mei di-Kuala Belai dan 7 Mei di-Bukit Sawat dan Pengkalen Siong.

Rombongan tersebut akan berada di-Kuala Belait pada 9 hingga 18 Mei dan Seria dari 19 Mei hingga 28 Mei.

Orang2 yang memiliki sukatan dan timbangan di-Kuala Belait hendaklah membawa perkakas mereka ka-Bilek Bachaan, Kuala Belait dan di-Seria pula ia-lah di-Pejabat Kerajaan Di-Seria pada tarikh yang sebutkan tadi.



Gambar menunjukkan Pegawai Pemerintah Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Lt. Col. J.J. Simpson sedang memereksa barisan rekrut2 yang telah tamat latehan dalam upacara perbarisan tamat latehan yang telah di-adakan di-Khemah Berakas pada hari Jumaat lepas.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa bagi memenohi jawatan2 ko-song yang berikut di-Jabatan De-wan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

(a) PENTERJEMAH KANAN

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai ke-lulusan Sijil Pelajaran Ter-tinggi (High School Certificate) dengan mendapat kepujian da-lam Bahasa Melayu dan Ing-geris atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya.
- Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam selok belok penterjemahan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun; atau
- Mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan, mendapat kepujian da-lam Bahasa Melayu dan Ing-geris dan mempunyai penga-laman dalam hal ehwal pen-terjemahan sekurang2-nya lima

tahun, atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya. Pertim-bangan Khas akan di-beri ka-pada pemohon2 yang mempun-yai pengalaman menterjemah lebih dari tujuh tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — \$660 x 30 - 900. Gaji per-mulaan bergantung kepada ke-layakan2 dan pengalaman.

(b) PENTERJEMAH

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai ke-lulusan Sijil Persekolahan Se-berang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Ing-geris dan Melayu atau kela-yakan2 yang sa-banding de-ngan-nya.
- Mempunyai pengalaman men-terjemah sekurang2-nya sa lama tiga tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan bergan-tong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan

Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Pemohon2 yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Bakiss:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, bakiss sa-banyak 12½% dari-pada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan enap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhid-matan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pega-wai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 de-ngan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 April, 1969.

Di-Jabatan Kebajikan Masharakat

PERMOHONAN2 ada-lah di-jem-put daripada chalun2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y. M.M. Sultan bagi memenohi ja-watan2 kosong di-Jabatan Kebaji-kan Masharakat, Brunei.

(a) PENYELIA PUSAT BELIA

(1 jawatan)

Kelayakan2:

- Mesti-lah lulus Form IV Ing-geris dan Darjah IV Sekolah Melayu.
- Pemohon2 mesti mempunyai pengalaman luas dalam pen-tadbiran sa-baik2-nya dengan pertubuhan belia dan mashara-kat. Chalun2 hendak-lah mem-punyai kebolehan dalam men-tadbir ranchangan2 sa-tiap hari di-Pusat tersebut serta meranchangkan kursus2, kong-res2 dan lain2 kegiatan2 pus-at belia itu.
- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 30 tahun.
- Pemohon2 yang tidak mempu-nyai kelayakan2 di-atas tidak akan di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 3 EB 4 — \$930 x 30 - 1050/EB/1080 x 30 - 1200. Gaji permulaan bergan-tong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PENJAGA BANGUNAN

(3 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan sekurang2-nya tahu menulis dan membaca.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 — \$200 x 10 - 270.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit me-nge-nai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 30 April, 1969.

Sa-bagai Penghantar Saman

PERMOHONAN2 ada-lah di-jem-put daripada chalun2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y. M.M. Sultan bagi memenohi ja-watan sa-bagai Penghantar Saman di-Pejabat Kadhi, Daerah Tutong, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bru-nei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur 17 hingga 30 tahun.
- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu. Keutamaan akan di-beri ka-pada orang2 yang tinggal di-Daerah Tutong.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 — \$200 x 10 - 330.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit me-nge-nai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 24 April, 1969.

SA-BAGAI PEMBANTU PENGAWAL LALU LINTAS UDARA

PERMOHONAN2 ada-lah di-jem-put daripada chalun2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y. M.M. Sultan bagi memenohi ja-watan sa-bagai Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara di-Jabatan Pen-nerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempu-nyai Sijil Persekolahan Sebe-rang Laut atau yang sa-ban-ding dengan-nya dengan men-dapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilum Hisab atau Fisik. Pemohon2 hendak-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun pada 1hb. Januari, 1969.

Chalun2 yang berjaya akan di-lantek sa-bagai Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara Perchubaaan dan ada-lah di-kehendaki lulus dalam pepe-reksaan2 yang mana mereka akan di-beri latehan. Pem-bantu2 Pengawal Lalu-Lintas Udara yang tamat serta lulus

dalam latehan, mereka mem-punyai peluang yang baik un-tok di-naikkan pangkat ka-perengkat Pegawai Pengawal Lalu-Lintas Udara.


Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan bergan-tong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit me-nge-nai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 28 April, 1969.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



TUHUS ERTI-NYA KURANG

D.P.T. LAWAT KUALA BALAI

KUALA BALAI — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bol-kiah telah mengadakan lawatan ka-Kuala Balai, Ulu Belait pada hari Rabu lepas.

Yang Teramat Mulia telah di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Pengiran Haji Mohammad, Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail, dan beberapa orang pegawai Askar dan Pulis Di-Raja Brunei.

Yang Teramat Mulia dan rombongan yang tiba di-Kuala Balai dengan sa-buah kapal Askar Melayu Di-Raja — 'Maharaja Lela' — telah di-alu2kan oleh Penghulu, Orang Kaya Seri Ratna Awang Mohammad Noor bin Othman dan sa-orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri, Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun.

Penduduk2 di-Kampung Kuala Balai telah keluar beramai2 untuk mengalu2kan keberangkatan Yang Teramat Mulia dan rombongan dan bertemu ramah dengan mereka.

Yang Teramat Mulia telah dibawa melawat ka-tempat2 perusahaan membuat sagu dan getah jelotong.

Yang Teramat Mulia dan rombongan kemudian-nya berangkat ka-balai raya untuk menyaksikan tarian2 asli yang di-persembahkan oleh penduduk2 di-kampung itu.

Ini ada-lah lawatan Yang Teramat Mulia yang ketiga ka-kawasan2 pendalaman di-Daerah Belait sejak sa-bulan yang lalu.



281 ORANG TELAH DI-DAFTAR

BANDAR BRUNEI — Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-takat ini telah mendaftarkan 281 orang untuk menunaikan fardhu haji tahun depan sejak ia-nya memulakan pendaftaran pada 20 Februari lepas.

Dari jumlah itu sa-ramai 98 orang akan pergi dengan kapal terbang dan baki-nya dengan kapal laut.

Orang2 yang ingin menunaikan fardhu haji tahun depan boleh mendapatkan borang2 dari pejabat2 ugama di-daerah masing2. Borang2 permohonan hendak-lah sampai tidak lewat dari 30 Jun, 1969.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin sedang menerangkan kepada Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong mengenai perusahaan getah jelotong di-Kuala Balai.

Kemudahan2 pelajaran luar bandar

(DARI MUKA 1)

belia yang terpelajar yang berkebakikan mempunyai laila ilmu pengetahuan sa-bagai kata orang tua2 tuntut-lah ilmu yang kebajikan dan mata pelajaran laila meluaskan pengetahuan sejak dari buayan hingga ka-liang lahat.

Pada murid2 sekolah kita berseru dan menasehat kamu tuntut-lah ilmu bagi laila meluaskan pengetahuan kamu. Pelajari-lah mata pelajaran bagi melailakan akan fikiran.

Kita dapat tahu Kerajaan kita telah memulakan usaha besar2an untuk membawa segala kemudahan2 pelajaran yang moden di-kawasan2 luar bandar dan pendalaman. Usaha itu sudah pun datang ka-kampung ini dan bakti-nya dengan terdiri-nya Sekolah Melayu Datu Pemanha Saging, Kerajaan kita tetap mengamalkan dasar bahawa di-mana2 saja raayat kita berada baik di-kawasan bandar mahupun di-kawasan luar bandar akan kemudahan2 pelajaran akan sa-daya upaya yang boleh di-berikan.

Sudah menjadi kewajipan Kerajaan kita untuk melateh raayat kita baik yang berasal dari kawasan2 pendalaman mahupun mereka2 yang berasal kota2. Dengan sebab itu juga maka Kerajaan Beta telah meluluskan satu peruntukan kewangan yang besar bagi usaha ini.

Baru2 ini kita telah mendapat tahu bahawa sa-ramai 26 orang penuntut dari Sekolah Menengah Melayu Pertama telah lulus dalam

Dua usol lulus

(Dari Muka 1)

Terdahulu dari itu majlis yang bersidang pada hari itu telah meluluskan dua usol.

Usol yang pertama di-ke-mukakan oleh Awang Arshad bin Dollah — Wakil kawasan Rataie yang menyeru kerajaan supaya mengadakan perkhidmatan X-Ray bagi penduduk di-Daerah Temburong.

Usol yang kedua di-buat oleh Awang Yahya bin Ya'akub — wakil kawasan Puni. Beliau meminta kerajaan supaya dapat mengadakan Kampong perpindahan bagi penduduk2 Kampong Batuau Tuau, Puni dan Kampong Seri Tanjong Belayang.

Ahli2 majlis itu juga telah mengemukakan pertanyaan2 dan tela hdi-jawab oleh Pegawai Daerah itu dengan memuaskan.

pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada kali pertama-nya sejak Kerajaan kita memulakan Pelajaran Menengah Melayu di-negeri kita ini.

Kelulusan sa-banyak itu ada-lah membuktikan yang penuntut2 atau kanak2 itu rajin pada mempelajari mata pelajaran dan ilmu pengetahuan.

Ada-lah menjadi harapan kita bahawa dengan tersempurnya bangunan2 Sekolah Menengah yang sedang dalam pembeanaan ini, quality dan quantity perulusan sijil2 tersebut akan bertambah baik dan dapat di-perelokkan laila bermutu menurut bentuk laila rukun yang sehat di-segi mata pelajaran dari masa ka-semasa.

Sekali lagi di-majlis ini kita mengambil kesempatan untuk berpesan kepada pelajar2 baik yang ada di-sekolah ini mahu pun yang berada di-sekolah2 yang lain di-merata tempat di-Negeri Brunei ini supaya tekun menuntut ilmu pelajaran dan menunaikan kewajipan2 utama untuk belajar bagi faedah dan kepentingan negara dan raayat sekalian.

Berkali2 telah kita tegaskan betapa penting-nya pelajaran serta betapa burok-nya akibat yang akan kita hadapi kalau sekira-nya pelajar2 sekalian tidak menunaikan kewajipan untuk belajar yang bukan saja bagi kebaikan negeri bahkan juga bagi kebaikan nama baik dan sebutan nama baik kepada kamu budak2 sekolah.

Kapada ibu bapa juga yang ada di-kampung ini dan yang berada di-seluruh negara, kita berseru supaya mereka memberikan segala galakkan dan sumbangan terhadap membaikan taraf pelajaran anak2 masing2. Ada-lah menjadi kewajipan kita semua untuk membimbing anak2 kita ka-arah kebajikan yang di-redhai Tohan untuk membolehkan kita melailakan negara kita menuju ka-pantai kemakmoran, kebahagiaan dan kesentosaan yang asas-nya terselamat dari merbahaya aman dan tenteram.

Akhir-nya Beta menguchapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada penduduk2 kampung ini yang telah menjemput kita hadir dan memberi kita penghargaan untuk merasmikan pembukaan sekolah ini. Moga2 jasa baik2 Awang2 dan Dayang2 itu akan di-balas oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Adanya, sekian terima kasih."

Pam2 ayer untuk Sg. Liang

SUNGAI LIANG — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato' Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengetuai rombongan kaki-tangan di-Pejabat-nya untuk memasang alat mengepam ayer di-dua buah kampong di-Sungai Liang pada hari Isnin lepas.

Beliau telah di-temani oleh Penulong Pegawai Daerah, Awang Abdullah bin Haji Ja'afar

Sa-banyak 9 buah pam ayer itu telah di-pasang di-Sungai Liang beberapa minggu lalu yang boleh membekalkan ayer kepada 60 buah rumah.

Pengiran Dato Paduka Momin berkata, lebeh banyak lagi pam seperti itu akan di-pasang di-kampung2 yang perigi mereka tidak berayer di-musim kemarau untuk menghindarkan penduduk2 kampong mengambil ayer lebeh jauh dan yang tidak terjamin kebersehan-nya.

Sunggoh pun kerja2 itu merupakan satu perhubungan tetapi hingga sekarang ini hasil dari kerja2 itu mencapai kejayaan.

Ayer di-keluarkan melalui pam dari dalam tanah sa-panjang 12 kaki itu boleh meng-

hasilkan empat gallon ayer tiap2 satu minit.

Sabahagian dari alat penapis yang di-namakan 'Fine Screen Well Point and Pump' ada-lah di-buat di-Kuala Belait yang telah di-sesuaikan dan di-reka bentuk-nya oleh Pegawai Daerah itu sendiri.

Gambar bawah menunjukkan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin sedang menchuba salah satu dari sembilan pam2 ayer yang di-pasang di-Kampung Sungai Liang.

